



FAQ

SOALAN LAZIM BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

1. Apakah definisi perindustrian kayu ?

Berdasarkan Akta 105, apa-apa aktiviti yang melibatkan ladang hutan, pembangunan, perdagangan, pemasaran, pemprosesan, pengilangan, pengeluaran dan penyelidikan tentang kayu.

2. Apakah aktiviti industri kayu yang dibenarkan beroperasi sepanjang PKP ini?

Pengilang dan pemproses kayu melibatkan konsainmen yang mempunyai kontrak yang telah dimeterai sehingga 30 April 2020 sahaja.

3. Apakah syarat-syarat untuk memohon kelulusan beroperasi sepanjang PKP ini?

- Memiliki kontrak yang telah dimeterai untuk dipenuhi sehingga **30 April 2020** sahaja, serta nilai penalti yang bakal ditanggung sekiranya tidak dapat beroperasi.
- Mengurangkan bilangan pekerja kepada **tahap paling minima atau sekurang-kurangnya sebanyak 50%** daripada jumlah semasa atau yang berdaftar, bagi pengeluaran di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, beserta nama dan pengenalan pekerja.

4. Bagaimana cara untuk memohon kelulusan untuk beroperasi sepanjang PKP ini?

Permohonan yang mengandungi maklumat pada perkara 3 di atas hendaklah dimajukan menggunakan borang yang ditetapkan, dan kemukakan kepada Ibu Pejabat MTIB menerusi e-mel berikut :

amin@mtib.gov.my DAN mazree@mtib.gov.my

5. Berapa lamakah tempoh yang diambil untuk kelulusan beroperasi ?

MTIB akan mengemukakan semua permohonan untuk pertimbangan Jawatankuasa Khas Permohonan Pengecualian Industri. Tempoh masa untuk kelulusan tertakluk kepada maklumbalas yang diterima dari Jawatankuasa berkenaan.

6. Bilakah permohonan kelulusan beroperasi sepanjang PKP ini boleh dipohon?

Setiap hari bekerja, bermula jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang.

7. Adakah sektor perladangan kayu dalam Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) dibenarkan menjalankan aktiviti penyelenggaraan dan penebangan?

Tidak.

8. Adakah aktiviti pengedaran kayu dari hutan bagi tujuan pemrosesan di kilang-kilang boleh dijalankan?

Tidak.

9. Bagaimana dengan stok produk kayu yang telah sedia diproses? Bolehkah aktiviti pengeksportan dijalankan?

Boleh, tetapi tertakluk kepada langkah pengawasan yang telah ditetapkan oleh MTIB. Pertimbangan HANYA diberi kepada situasi berikut:

- **Tarikh eksport yang telah muktamad.**
- **Permohonan dipertimbangkan menerusi MCS online sahaja.**
- **Pengeksport mestilah dalam tempoh sah pendaftaran dengan MTIB**
- **Pengeksportan kayu gergaji dengan *Grading Summary* yang dibuat pada dan selepas 18 Mac 2020, tidak akan diproses. Ini adalah untuk membataskan pergerakan semua Pemeringkat Kayu (*Timber Graders*), sepanjang tempoh PKP.**

10. Bolehkah konsainmen yang telah tiba di pintu masuk memperolehi lesen import?

Boleh. Permohonan lesen import JK69 beserta dokumen sokongan yang lengkap perlu dikemukakan menerusi emel kepada Pejabat MTIB yang berhampiran.

11. Bolehkah dokumen manual seperti lesen MYTLAS, Permit CITES, *Statement on Legality of Timber Source*, *Statement of Rubber Wood* dan Lesen Import JK69 diperolehi dalam tempoh PKP.

Boleh. Tertakluk kepada keperluan yang mendesak sahaja. Pejabat MTIB Wilayah akan beroperasi pada hari Selasa dan Khamis, dari jam 10.00 pagi – 12.00 tengahari. Sila hubungi Pejabat MTIB yang berhampiran.

12. Adakah lesen eksport dan import yang MTIB keluarkan memadai untuk konsainmen melepasi semua pintu keluar dan pintu masuk untuk tujuan eksport dan import ?

Tidak. Pelepasan keluar dan masuk konsainmen adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang digariskan oleh Agensi Kerajaan Lain (OGA) yang berkuatkuasa, contohnya :

- Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
- Jabatan Pertanian untuk Sijil Fitosanitasi
- *Business Chamber* untuk *Certificate of Origin (COO)*
- Pihak Berkuasa Pelabuhan untuk keperluan logistik dan pentadbiran
- Lain-lain OGA yang berkenaan, mengikut keperluan semasa.

13. Pegawai yang boleh dihubungi untuk sebarang penjelasan dan pertanyaan lanjut, berhubung urusan yang berkenaan :

Permohonan Kelulusan Beroperasi :

1. Encik Mohd Amin Kadir – 019 350 0065
2. Encik Mazree Iman – 019 335 4914

Pelesenan Eksport & Import :

1. Puan Roslina Idris – 019 335 6581
2. Encik Md. Yusoff Ismail – 013 397 5835
3. Encik Mohd Razman Azizuddin- 010 931 4292

PEJABAT MTIB	E-MEL	PEGAWAI	MOBILE NO.
Butterworth	mtibwu@mtib.gov.my	Nabil Fikri	019 430 0236
Pel. Kelang	mtibpk@mtib.gov.my	Ramli Khanafiah	019 229 4714
Johor	mtibjb@mtib.gov.my	Md Firdaus Mortar	012 624 7547
Wilayah Timur	mtibkb@mtib.gov.my	Huda AlHana	019 294 1896

Nota : Salinkan semua urusan dengan Pejabat Wilayah MTIB kepada Ibu Pejabat menerusi e-mel : mcshep@mtib.gov.my

Perladangan Hutan :

1. Encik Saiful Bahri Salleh – 019 660 8075
2. Encik Mohd Tarmin Ismail – 019 910 1178